

Ketua jabatan perlu jaga integriti

Jun 23, 2022 @ 7:05pm



Presiden CUEPACS, Datuk Adnan Mat.

KANGAR: Kongres Kesatuan Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) mengingatkan ketua jabatan dalam perkhidmatan awam supaya sentiasa menjaga integriti mereka sewaktu menjalankan tugas.

Presidennya, Datuk Adnan Mat, berkata pihaknya menerima aduan terdapat penjawat awam di Perlis diugut untuk ditukarkan atau diberi petunjuk prestasi utama (KPI) rendah selepas memberi teguran kepada ketua jabatan mereka.

"Justeru kami memohon ketua jabatan dapat membetulkan kembali sistem perkhidmatan mereka memandangkan penjawat awam adalah tunjang kepada kerajaan," katanya selepas Perhimpunan Penjawat Awam Negeri Perlis Bersama Presiden CUEPACS di Hotel Regency di sini, hari ini.

Adnan berkata, CUEPACS tidak teragak-agak mengambil tindakan selanjutnya terhadap ketua jabatan sekiranya masalah ini berterusan.

"Jika berlaku lagi keadaan seperti ini, CUEPACS tidak teragak-agak untuk ambil tindakan dan membuat laporan dengan lebih terperinci," katanya.

Mengulas dasar empat hari bekerja dalam seminggu, Adnan berkata, pihaknya mengambil maklum mengenai perkara itu dan sedang menjalankan kajian selanjutnya.

Beliau berkata, CUEPACS juga sedang meneliti sektor yang bersesuaian bagi pelaksanaan dasar tempoh bekerja empat hari seminggu itu.

"Kami maklum mengenai perkara ini dan akan kaji secara serius dulu sebelum memberi sebarang cadangan berhubung pelaksanaan empat hari bekerja dalam seminggu," katanya. – BERNAMA